UUM/DD49/BH/22.10.2005/P: 17 (6)

25 bas UUM angkut pelajar balik kampung

BH 22/10/05 17:6

UNIUTAMA Management Holding Sdn Bhd (UMHSB), anak syarikat milik penuh Universiti Utara Malaysia (UUM) menyediakan 25 bas untuk pelajarnya pulang berhari raya di kampung masing-masing.

Pengurus Unit Pengangkutan UMHSB, Anuar Che Mansor, berkata perjalanan bas ke pelbagai destinasi, antaranya yang menjadi tumpuan ialah Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu dan Kuala Lumpur, bermula 27 hingga 30 Oktober ini.

Sehubungan itu, katanya, pelajar yang berhasrat menggunakan perkhidmatan bas itu diminta mendapatkan tiket masing-masing melalui ejen yang dilantik UMHSB.

"Untuk ini, kita mengutamakan kenderaan yang mempunyai ciri keselamatan, di samping menasihatkan pemandu supaya bergilir memandu dan sentiasa mematuhi peraturan jalan raya," katanya.

Beliau berkata, usaha itu juga memberi peluang pelajar universiti itu mencari sumber kewangan.

Seorang pelajar dari Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Zalman Sariza Harun, 24, yang menjadi ejen menjual tiket perjalanan itu berkata, walaupun sedikit, keuntungan yang diperoleh dapat dijadikan wang saku sempena Aidilfitri ini.

"Keuntungan diperoleh juga perlu dikongsi bersama ejen di setiap kolej yang dilantik untuk mendapatkan pelanggan," katanya.

Beberapa pelajar gembira dengan perkhidmatan yang disediakan itu kerana mereka tidak lagi perlu memikirkan masalah tiket.